



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

POLITIK ISLAM DALAM NASKHAH HISTORIOGRAFI MELAYU

NIK FAZRUL AZRI BIN NIK AZIS

FBMK 2018 3



POLITIK ISLAM DALAM NASKHAH HISTORIOGRAFI MELAYU

Oleh

NIK FAZRUL AZRI BIN NIK AZIS

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Master Sastera**

Ogos 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang,

Kalimah bicara khas buat insan yang tersayang,

Ayahanda dan Bonda yang dikasih,

Nik Azis b. Nik Ibrahim dan Norliza bt. Mohd Naww

*Al-Fatihah buat junjungan kasih kepada arwah ibuku yang kembali
rahmatullah pada 14 Ogos 2016*

Terima kasih tidak terhingga anakanda ucapkan,

Di atas segala tunjuk ajar dan didikan yang diberikan,

Kakanda dan Adinda yang disayangi,

Nik Faizan Bin Nik Azis

Nik Faizul Bin Nik Azis

Nik Nurul Afifah Binti Nik Azis

Segala galakan dan sokongan yang diberikan,

Suka-duka kalian menjadi pendorong kejayaan dalam kehidupanku.

Kepada pensyarah pembimbing,

Dr. Salmah Jan Noor Muhammad

dan

Dr. Mohd Zulkifli Ismail

*Terima kasih di atas segala dorongan, sokongan, nasihat dan tunjuk
ajar yang diberikan selama ini,*

Semoga segala jasa yang dicurahkan akan diberkati Allah hendakNya.

Buat sahabat-sahabat,

Mohd Fahmi Ismail

Norsuhaida Ismail

Mohd Firdaus Che Yaacob

Azrul Azuan Mat Dehan

Dan

Sahabat Seperjuangan

Ribuan terima kasih diucapkan,

Sedia berkongsi idea dan suka-duka bersamaku,

Segala kenangan kita bersama akan kusemat di dalam sanubariku.

Semoga Allah memberkati kita semua di dunia dan di akhirat,

Wassalam.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

POLITIK ISLAM DALAM NASKHAH HISTORIOGRAFI MELAYU

Oleh

NIK FAZRUL AZRI BIN NIK AZIS

Ogos 2017

Pengerusi : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Politik Islam yang dilaksanakan dalam pemerintahan dan pentadbiran telah membawa kerajaan kesultanan di Alam Melayu mencapai puncak ketamadunan. Kedatangan para mubaligh dan ulama telah memperkukuhkan lagi kefahaman terhadap aplikasi politik Islam ini yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang dan kekeliruan dalam sistem politik Melayu tradisi dalam persoalan agama yang menjadi permasalahan terhadap dasar pemerintahan yang dilaksanakan di Alam Melayu. Oleh demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis politik Islam dan menghuraikan implikasinya terhadap pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Melayu tradisi berdasarkan kepada naskah kesusasteraan historiografi Melayu yang menerima pengaruh awal di Alam Melayu iaitu *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Seterusnya, analisis kuantitatif telah digunakan sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Penelitian dan penghuraian terhadap prinsip atau dasar politik Islam dalam pemerintahan Melayu diaplikasikan dengan Teori Politik Islam yang dikemukakan oleh Yahaya Jusoh (2014). Kajian ini telah berhasil membuktikan beberapa penemuan melalui penelitian terhadap sebelas prinsip politik Islam yang telah dapat mempengaruhi politik pemerintahan kesultanan Melayu tradisi yang menjadi citra kepada kebudayaan Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu telah memperkenalkan prinsip dan sistem politik yang baru kepada pemerintahan kesultanan Melayu tradisi di samping menegakkan hukum Islam dalam kehidupan masyarakat di rantau ini dengan bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai satu kuasa dalam menegakkan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan beraja di Alam Melayu. Gambaran dan pegangan ini menjadi masyarakat Melayu terus menjadi wadah membentuk norma dalam kebudayaan masyarakat Melayu.

Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts.

ISLAMIC POLITICS IN THE MANUSCRIPTS OF MALAY HISTORIOGRAPHY

By

NIK FAZRUL AZRI BIN NIK AZIS

August 2017

Chairman : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Islamic politics in governance and administration have led the Sultanate's Government in Malay's World to highest civilization. The arrival of Muslim's missionaries and scholars reinforced the understanding of the application of this Islamic politics which is based on the Quran and al-Sunnah of The Prophet SAW. However, there are still lack and rooms for confusions in traditional Malay's political system in the matter of religion, which becoming problems in the basic of governance in Malay World. Therefore, the objective of this study is to analyze and describe the implications of the Islamic politics to the Malay governance and administration based on the literary manuscripts of Malay historiography named Hikayat Raja Pasai and Sejarah Melayu which has received initial influence in the Malay World. Then, the quantitative analysis was used as a framework to enhance this study. Research and elaboration of the principles of the Islamic politics in the Malay governance have been applied in this study based on the Teori Politik Islam presented by Yahaya Jusoh (2014). This study was able to prove some the findings in a study of eleven Islamic political principles that have been able to influence the political rules of Malay government that is significant to the Malay culture. The findings show that the arrival of Islam in the Malay World has introduced new principle and political system to the Malay government while enforcing Islamic law in the lives of people in the region with the source of the holy Quran and Sunnah as a power to enforce the rules and government administration in the Malay monarchy. This idea and beliefs make the Malay community continues to be a fundamental in forming the norm in the culture of the Malay community.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurniaanNya dapat saya menyempurnakan kajian ini.

Dengan penuh ikhlas, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis iaitu Dr. Salmah Jan Noor Muhammad, pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu dan Dr. Muhd Zulkifli Ismail, pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia di atas segala tunjuk ajar, pandangan, seranan dan teguran, pandangan dan kesediaan meluangkan masa, dan tenaga sepanjang menyiapkan kajian ini. Semoga segala jasa baik yang disumbangkan oleh mereka mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Setinggi penghargaan juga buat keluarga yang tercinta, terutama Abah dan Cik serta adik-beradik semua yang telah banyak mendorong dan mendoakan kejayaan saya. Semoga Allah memberkati hidup kita semua di dunia dan akhirat.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan kajian masing-masing. Bantuan kalian dari segi informasi terkini dan budi kalian memberikan maklumat tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung seperti pihak Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah banyak memberi kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan rujukan untuk menyiapkan kajian ini. Segala yang buruk daripada kelemahan diri saya sendiri dan segala yang baik itu adalah datang dari Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Penyayang.

Sekian, Terima kasih.

Nik Fazrul Azri Bin Nik Azis
Seberang Pasir Mas Salor, Kota Baharu, Kelantan

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 10 Ogos 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nik Fazrul Azri bin Nik Azis bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Politik Islam dalam Naskhah Historiografi Melayu” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roslina binti Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Norazimah Zakaria, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 December 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Salmah Jan Noor Muhammad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd Zulkifli Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbangi dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Nik Fazrul Azri Bin Nik Azis (GS42630)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Muhd Zulkifli Ismail, PhD

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PERHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Batasan Kajian	6
1.7 Definisi Konsep	7
1.7.1 Politik Islam	7
1.7.2 Historiografi Melayu	10
1.7.3 Melayu	12
1.8 Kesimpulan	13
II SOROTAN KAJIAN	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Pengkajian Aspek Politik Islam	15
2.3 Pengkajian Aspek Politik Melayu	17
2.4 Pengkajian Aspek Politik Islam di Alam Melayu	20
2.5 Pengkajian Aspek Budaya Islam di Alam Melayu	23
2.6 Kesimpulan	24
III METODOLOGI KAJIAN	26
3.1 Pengenalan	26
3.2 Kaedah Kajian	26
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	26
3.2.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks	27
3.3 Tatacara Kajian	27
3.3.1 Proses Pengumpulan Bahan	27
3.3.2 Pengumpulan Bahan dan Data	27
3.3.3 Analisis Data	28
3.4 Bahan Kajian	29
3.5 Rasional Pemilihan Bahan Kajian	30
3.6 Teori Politik Islam	32

3.6.1	Pengenalan Politik Islam	33
3.6.2	Pengertian Politik	34
3.6.3	Politik Islam	35
3.6.4	Prinsip Teori Politik Islam	35
3.6.5	Rasional Pemilihan Teori Politik Islam	38
	Dalam Kajian	
3.7	Kerangka Konseptual	40
3.8	Kesimpulan	41
IV	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Sumber Primer Politik Melayu	43
4.2.1	Al-Quran Sebagai Sumber Utama	44
4.2.2	As-Sunnah Sebagai Sumber Kedua	47
4.2.3	Lafaz Syahadah	49
4.2.4	Penggunaan Kalimah <i>Bismillhiraahma Nirrahim</i>	52
4.3	Amanah	54
4.4	Keadilan	57
4.5	Ketaatan	60
4.6	Syura (Musyawarah)	64
4.7	Penerapan Islam Sebagai Asas Kehidupan	68
4.7.1	Nilai “Salam”	69
4.7.2	Solat	71
4.7.3	Melawan Hawa Nafsu	74
4.7.4	Keamanan dan Kesejahteraan Dalam Negara	76
4.8	Menegakkan Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran	78
4.9	Perpaduan dan Permuafakatan Dalam Masyarakat	81
4.10	Memelihara Kebajikan Rakyat	83
4.11	Kebebasan	86
4.12	Kepemimpinan Dalam Politik Melayu-Islam	88
4.12.1	Seorang Pemimpin Islam	89
4.12.2	Seorang Pemurah	91
4.12.3	Bijaksana	93
4.12.4	Adil	95
4.12.5	Berilmu	96
4.12.6	Berani	98
4.13	Implikasi Kajian	100
4.13.1	Pihak Institusi Raja-Raja Melayu	100
4.13.2	Bidang Kesusasteraan Tanah Air	101
4.13.3	Dunia Akademik	101
4.13.4	Masyarakat Melayu	101
4.14	Kesimpulan	102
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	103
5.1	Pengenalan	103
5.2	Rumusan Kajian	103
5.3	Cadangan	105

5.3.1	Menilai naskah historiografi Melayu dalam sudut pandangan berbeza	105
5.3.2	Mengalakkan golongan muda untuk meminati nilai warisan bangsa dalam naskah historiografi Melayu	105
5.3.3	Peranan Media Massa	106
5.4	Penutup	106
	BIBLIOGRAFI	107
	BIODATA PELAJAR	117



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Cabang Teori Politik Islam	53
3.2	Teori Politik Islam	54
3.3	Kerangka Konseptual	62



SENARAI SINGKATAN

HRP	<i>Hikayat Raja Pasai</i>
SM	<i>Sejarah Melayu</i>
SWT	Subhanah wa ta'ala
SAW	SalalLahu 'alayhi wa sallam
Ra	Radiallahu 'anhu
<i>et al.</i>	Penulis-penulis
H	Hijrah
M	Masihi
SM.	Sebelum Masihi
<i>tt.</i>	Tanpa Tahun

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kedatangan agama Islam telah memberi laungan syiar kepada sistem politik dan pemerintahan di Alam Melayu. Bersama syiar ini, pemerintahan di Alam Melayu telah mencapai kemuncak perkembangan, perubahan dan memberi kesan yang mendalam terutama dalam keintelektualan bangsa Melayu. Penerimaan Islamisasi ke atas masyarakat Melayu menjadikan ajaran al-Quran dan as-Sunnah sebagai kalam pegangan, panduan dan rujukan oleh golongan pemerintah dalam melaksanakan pentadbiran sesebuah negara. Kejayaan Islam dalam sistem politik di Alam Melayu membawa kesultanan Melayu-Islam ke puncak kegemilangan empayar Melayu. Kesultanan Melayu yang menerima pengaruh Islam di Alam Melayu paling awal ialah Pasai, Melaka, Aceh dan Johor-Riau. Kehadiran kerajaan-kerajaan ini terbukti bahawa pentadbiran dan pemerintahan Islam itu dapat melahirkan bangsa Melayu-Islam dalam *Muslim State* itu sendiri (Ahmad Jelani Halimi, 2008).

Kehadiran para pedagang, mubaligh dan ulama Islam telah merencanakan lagi aktiviti dan perkembangan politik dan pemerintahan di Alam Melayu. Kehadiran ini, memperkukuh lagi kefahaman Islam terhadap politik Melayu dengan berlandaskan kepada mentauhidkan Allah dan Rasulullah sebagai rasul-Nya. Menurut Zainal Kling (1993: 408), kedatangan agama Islam telah membentuk asas sistem politik masyarakat Melayu yang menerapkan unsur ketuhanan Allah sebagai suatu sistem tertinggi dalam ekologi di Alam Melayu. Kehadiran ini juga, Islam terus berkembang dan melahirkan pelbagai cendekiawan dalam pelbagai bidang seperti perubatan, sejarah, falsafah, politik, tafsir dan undang-undang (Ahmad Jelani Halimi, 2008: 366).

Selain itu, pemerintahan dan pentadbiran masyarakat Melayu ini dapat diteliti terutama dalam bidang penulisan (kesusasteraan) seperti manuskrip-manuskrip Melayu yang mengandungi pelbagai maklumat serta gambaran *worldview* masyarakat Melayu pada zaman silam. Karya ini, dapat menggambarkan fenomena ekologi yang memberi makna kepada setiap aktiviti manusia, pemikiran, agama, dan budaya. Menurut Hassan Ahmad (2005: 2), nilai karya ini dapat membentuk tradisi dan tamadun Melayu serta mampu meninggalkan kesan atau pengaruh yang menjadi ingatan bangsa sepanjang zaman. Hasilnya, karya ini dijadikan bahan kajian dan rujukan ilmu oleh para ilmuwan dan pemikir bangsa dari zaman ke zaman. Antara karyanya seperti *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Aceh* dan sebagainya (Ding Choo Ming, 2009: 204).

Bidang penulisan begitu luas dan terdiri pelbagai genre khusus walaupun manuskrip Melayu tersebut dikategorikan dalam karya Melayu. Misalnya seperti genre hikayat, historiografi Melayu, cerita lipur lara, puisi (pantun, gurindam dan seloka), syair, kitab *tib* (perubatan), karya tasawuf dan metafizik (Hassan Ahmad, 2008: 147). Salah satu

genre yang berhubung dengan pensejarahan di Alam Melayu ialah sastera sejarah atau kesusasteraan historiografi Melayu. Hal ini kerana, teks-teks tersebut mengandungi pelbagai maklumat tatacara ekologi masyarakat, keadaan yang nyata dalam bidang ekonomi, kehidupan intelektual, struktur politik dan agama yang wujud dalam pelbagai zaman dan negara yang dapat menggambarkan peradaban dan ketamadunan masyarakat Melayu pada waktu itu (Tatiana Denisova, 2012: 105). Teks seperti ini dijadikan sebagai bahan pensejarahan di Alam Melayu kerana karya ini dapat mencerminkan dan mengangkat tamadun bangsa Melayu yang jelas diceritakan dalam teks tersebut seperti teks *Sulalat al-Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Seterusnya, perkembangan politik Islam di Alam Melayu mengalami perubahan dari semasa ke semasa tetapi masih mengekalkan konsep Hindu-Buddha dalam hierarki sosial pemerintahan dan ekonomi. Ini jelas kelihatan dalam teks-teks kesusasteraan historiografi Melayu, golongan raja atau Sultan masih mengamalkan budaya Hindu dengan kekuasaan mereka berada di atas dan mutlak. Konsep Hindu-Buddha masih luas digunakan oleh golongan atasan demi mengekalkan kedudukan mereka. Ini menunjukkan, agama Hindu-Buddha masih diamalkan walaupun Islam datang di Alam Melayu. Agama Islam juga dapat bertahan selepas kedatangan Barat di Alam Melayu. Kedatangan Barat tidak dapat memisahkan Islam daripada masyarakat Melayu. Kedatangan mereka hanyalah mensekularkan masyarakat Melayu iaitu memisahkan perkara dunia dengan agama.

Walau bagaimanapun, agama Islam kekal sebagai agama jati diri bangsa Melayu. Islam telah membawa konsep yang sama seperti konsep ketuhanan, etika, nilai, sosial sehingga agama ini dapat diterima dan disesuaikan dalam agama lain kecuali beberapa prinsip dan hukum asas Islam yang menjadi rukun kepada orang Muslim. Tetapi dalam konsep sistem keagamaan masyarakat Melayu kebanyakan juga diwarisi daripada sistem keagamaan Hindu-Buddha. Namun, Islam mempunyai asas tersendiri dan mengesani pemikiran Melayu dengan cara yang lebih teguh daripada Hindu-Buddha (Zainal Kling, 2008: 37). Peranan agama Islam dalam sosial dan ekonomi, politik juga membentuk sebahagian daripada penyesuaian agama ini. Hakikat ini menunjukkan bahawa politik berasaskan Islam mampu meruntuhkan dan merobohkan kekuatan politik Hindu-Buddha yang selama ini bertapak di Alam Melayu.

Selain itu, politik juga dapat membentuk suatu bahagian penting dalam penulisan kerana politik adalah suatu ilmu yang sentiasa kekal sepanjang zaman dan silih berganti corak pemerintahannya yang secara langsung memberi perkembangan minda masyarakat Melayu (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1966). Oleh sebab itu, bidang kuasa politik tiada batasnya sehingga kuasa itu dapat mengatur sistem sosial dan ekonomi dalam sesebuah negara yang diperintah kerana ilmunya dapat bertahan sehingga hari ini. Pengaturan sistem ini menyebabkan politik itu berperanan penting dalam peradaban dan tamadun sesuatu bangsa. Pengaturan ini juga, mempengaruhi perkembangan politik dalam mengilhamkan penulisan kesusasteraan historiografi Melayu.

Tuntasnya, agama Islam berperanan penting dalam menerajui pemerintahan dan pentadbiran kesultanan Melayu. Oleh itu, politik berlandaskan Islam dapat dijadikan sebagai kerangka pemikiran masyarakat Melayu yang telah mencetuskan fenomena dalam sistem ekologi di Alam Melayu. Fenomena sistem ekologi ini telah membentuk dan membina politik yang berasaskan nilai dan ajaran-ajaran agama Islam yang dapat mempengaruhi peradaban dan tamadun bangsa Melayu (Ali Mohammad, 2008: 75). Sehubungan dengan itu, pemerintahan dan pentadbiran yang terkandung dalam kesusasteraan historiografi Melayu dapat dijadikan kerangka untuk menyatakan politik Islam yang dipraktikkan oleh masyarakat di Alam Melayu. Hal ini kerana, naskhah ini dapat melahirkan kerangka pemikiran Melayu Islam yang bernilai tinggi dan berjaya meninggalkan kesan dalam tamadun dan tradisi bangsa Melayu (Zarina Muhammad, 2015: 181). Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada bidang politik sebagai kerangka kajian yang dinilai dari perspektif Islam dalam meneliti politik masyarakat Melayu melalui karya historiografi Melayu terpilih.

1.2 Penyataan Masalah

Erti politik Islam yang bermaksud memberikan pengurusan atas hal ehwal seluruh umat Muslim dan bukan Muslim yang bernaung dengan aman dalam sesebuah negara Islam masih semakin malap dan pudar. Walaupun ada sesetengah pihak berusaha untuk ke arah Islamisasi politik, tetapi hanyalah sekadar mengambil bentuk agama dan tidak berdasarkan kepada asas agama Islam yang sebenar (Mohd Akhir Yaacob, 1990: 11). Oleh demikian, politik masa kini tidak lagi mencerminkan tamadun bangsa Melayu tradisi. Sekadar mempraktikkan ilmu-ilmu Barat untuk dijadikan landasan dalam pemerintahan yang berakidahkan sekularisme, baik daripada kalangan bukan Muslim mahupun daripada kalangan umat Islam sendiri (Zahazan Mohamed, 2008: x). Shahrul Anuar Nordin (2012: 3) juga menyatakan, kepemimpinan politik Melayu mula diracuni oleh pemikiran Barat dan cuba menembusi pemikiran Islam dalam menguasai dan mempengaruhi pemerintahan di Alam Melayu. Selain pemikiran Barat, J.M. Gullick (1978: 200-201), menyatakan bahawa sistem politik Melayu mempunyai kepercayaan bercampur-aduk dan agama Islam bukanlah satu “agama rasmi negara” berbanding agama Hindu yang masih diamalkan dalam politik masyarakat Melayu.

Melalui penyataan masalah dikemukakan, kekeliruan terhadap sistem politik Melayu tradisi dalam persoalan agama masih menjadi permasalahan. Tambahan pula, isu kepimpinan dan moral pemerintahan yang melambangkan kemakmuran dan kemerosotan dalam kerajaan Melayu masih dipersoalkan. Perkembangan Islam di Alam Melayu juga masih kurang dihayati. Ini bertepatan dengan A. Aziz Deraman (2008: 4) yang menyatakan agama Islam sebagai “*the grand narrative*” tidak dilihat sebagai warisan keagungan dan peradaban oleh masyarakat Melayu sendiri. Oleh itu, kajian politik Islam dalam naskhah historiografi Melayu adalah sebahagian penelitian perkembangan Islam di Alam Melayu melalui sistem politik masyarakat Melayu.

Seterusnya, berdasarkan sorotan kajian-kajian terdahulu, politik Islam sudah ramai diperkatakan oleh pengkaji dan sarjana tempatan dalam meneliti politik di Alam Melayu. Namun, hasil kajian lepas hanya tertumpu pada sistem dan organisasi dan kepemimpinan dalam politik Islam seperti kajian Bazrul Bahaman (2008), Shahrul

Anuar Nordin (2012), Surianiah Pakih (1999), Mohd Koharuddin Mohd Balwi (1999), Bharuddin Che Pa (2012), Muhammad Harfin Zuhdi (2014), Arba'yah Mohd Noor (2011) dan Ali Muhammad (2008). Sarjana-sarjana ini, telah mengupas hal mengenai kedudukan politik terutama jawatan dan organisasi pemerintahan dalam masyarakat Melayu.

Oleh hal demikian, kajian-kajian sebelumnya masih terdapat kelompangan dalam menggunakan prinsip-prinsip politik Islam untuk meneliti politik di Alam Melayu. Berdasarkan permasalahan, perbincangan dan kelompangan kajian lepas yang dikemukakan, kajian ini akan berfokus kepada politik Islam dalam naskhah historiografi Melayu sebagai usaha untuk membuktikan prinsip-prinsip politik Melayu-Islam tradisi yang diamalkan di Alam Melayu. Dalam pembuktian ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972: 23) menegaskan bahawa:

“Ciri-ciri Islam pada sesuatu bangsa harus dicari bukan pada perkara-perkara atau sesuatu yang zahir mudah nampak oleh kepala, akan tetapi lebih pada perkara-perkara yang terselip tersembunyi dari pandangan biasa, seperti pemikiran sesuatu bangsa yang biasa terkandung dalam bahasa”

Kenyataan Muhammad Naquib al-Attas ini, jelas menggambarkan ciri-ciri Islam itu ada pada khazanah bahasa dan penulisan yang diwarisi. Kerangka pemikiran Melayu Islam ini, telah tertanam dan dijelmakan melalui karya-karya bernilai tinggi dan berjaya meninggalkan kesan seni, budaya dan pemikiran dalam tamadun dan tradisi bangsa Melayu (Zarina Muhammad, 2015: 181). Hassan Ahmad (1998), mengkategorikan karya-karya bernilai ini sebagai karya historiografi Melayu. Menurut Noriah Mohamed (2011), karya ini telah menggambarkan kehebatan sesuatu bangsa kerana penulisan atau penghasilan sesuatu karya dapat dikenal pasti melalui bentuk tulisannya yang menggambarkan keintelektualan sesuatu bangsa tersebut. Beliau juga mengutarakan, karya ini dapat membentuk jati diri dan memantulkan kembali ketamadunan bangsa Melayu pada bila-bila masa sahaja, sebagaimana kita dapat mengenali ketamadunan lain seperti tamadun Greek, Yunani, Cina, India dan Mesir.

Peminggiran khazanah naskhah Melayu ini boleh menyembunyikan peradaban tamadun Melayu. Melalui pengamatan ini, fokus kajian di Alam Melayu ialah meneliti naskhah bertulis seperti naskhah historiografi Melayu untuk mendapatkan maklumat dan data pembuktian. Menurut Muhammad Naquib al-Attas (1972: 33), sesebuah naskhah dalam bidang bahasa dan kesusasteraan adalah perkara yang benar-benar nyata untuk memutuskan ciri dan sejarah agama Islam di Alam Melayu. Oleh sebab itu, karya historiografi Melayu dipilih kerana dapat menjadi cerminan kerangka pemikiran pemerintahan dan pentadbiran Melayu-Islam yang harus tidak diketepikan khazanah dan sumbangannya pada waktu ini.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, beberapa persoalan akan diutarakan bagi memastikan kajian ini berdiri dalam landasan yang betul. Bidang politik yang dinilai dan sebagai kerangka kajian ialah politik Islam yang terdapat dalam naskhah historiografi Melayu. Justeru itu, persoalan-persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah:

- a) Apakah politik Islam yang dilaksanakan dalam pemerintahan masyarakat Melayu berdasarkan naskhah Melayu?
- b) Bagaimanakah implikasi politik Islam dalam naskhah historiografi Melayu?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah penting untuk mencapai sesuatu matlamat yang telah dirancang bagi mencapai sarannya. Oleh itu, kajian ini akan menyasarkan dua objektif penting untuk dicapai dalam kajian, iaitu:

- a) Menganalisis politik Islam yang dilaksanakan dalam pemerintahan masyarakat Melayu berdasarkan naskhah kajian.
- b) Menghuraikan implikasi politik Islam dalam naskhah historiografi Melayu.

1.5 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan, kepentingan dan faedah perlu dititik beratkan bagi semua pihak sama ada melibatkan diri mereka secara langsung ataupun tidak langsung. Terutamanya, melibatkan negara, masyarakat, warga pendidik dan pelajar. Kajian yang dilakukan harus melibatkan kepentingan kepada sesebuah institusi dan negara. Hal ini kerana, setiap kajian yang dijalankan dapat menghasilkan maklumat atau sumber yang baru serta menambah baik maklumat-maklumat yang sedia ada berguna kepada institusi dan negara. Dengan cara ini, setiap maklumat dapat dikongsi dan bermanfaat kepada perkara-perkara tertentu dengan penambahan dan idea-idea yang baru.

Selain negara, kepentingan kajian juga dapat memberi faedah kepada masyarakat. Setiap kajian dijalankan diharap dapat memberi sumbangan dan pendedahan yang berguna kepada masyarakat melalui setiap penelitian aspek nilai politik Islam yang jelas dapat dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat yang berkerjaya ini. Dengan cara ini, khalayak lebih mengetahui peranan seorang manusia dalam kehidupan mereka yang sebenar sebagai seorang khalifah. Oleh itu, setiap aspek politik Islam yang

dibicarakan dalam kajian ini dapat membentuk masyarakat kreatif dan produktif dalam menempuh kepincangan kehidupan seharian bersumberkan nilai Islam.

Seterusnya, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada warga pendidik seperti guru atau pensyarah yang melibatkan diri mereka dalam bidang sastera secara langsung ataupun tidak langsung. Secara amnya, pihak sekolah mahupun universiti, kajian ini dapat membantu guru dan pensyarah untuk mendapatkan setiap maklumat dan bahan dengan tepat. Oleh itu, maklumat yang baru ini dapat membantu warga pendidik dengan dunia sastera terutamanya dalam memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dalam sejarah tamadun Islam dan Melayu. Dalam konteks ini, dapat membantu guru dan pensyarah untuk melaksanakan kajian dalam berkaitan dunia sastera pada masa kini dan akan datang. Justeru, aspek politik Islam diharapkan juga dapat membantu dari segi ilmu tambah kepada warga pendidik terutama dalam bidang politik atau penilaian naskhah historiografi Melayu yang dibicarakan dalam kajian ini.

Selain itu juga, kajian ini dilakukan bermanfaat kepada warga pelajar sama ada dari peringkat sekolah atau tinggi. Hal ini kerana, melalui pengamatan kajian-kajian sebelum ini dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk membuktikan sejauh mana keberhasilan sarjana-sarjana yang mengkaji politik Melayu melalui pandangan Barat atau Islam. Dalam melalui fasa kajian ini, pelajar mula terdedah dengan maklumat keilmuan yang berkaitan dengan kajian ini terutama dalam menguasai setiap bahan-bahan itu sendiri. Oleh itu, kajian ini diharapkan tinggi dapat membantu pelajar dan ilmuwan yang lain atau akan datang untuk menjayakan dapatan yang tepat dan mutakhir. Oleh hal demikian, pelajar dapat berkongsi dan menambah maklumat yang sedia ada dalam penghasilan penyelidikan yang baru.

1.6 Batasan Kajian

Sehaluan dengan permasalahan dan objektif kajian, naskhah historiografi Melayu dipilih sebagai bahan kajian adalah terbatas kepada dua buah naskhah yang paling awal menerima pengaruh Islam di Alam Melayu iaitu *Hikayat Raja Pasai* dan *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Pemilihan dua buah naskhah ini adalah berketepatan dengan kajian yang dijalankan kerana naskhah tersebut mampu menyampaikan maklumat dan data rujukan sebagai bahan kajian persejarahan, terutama dalam meneliti perkembangan ekologi kebudayaan dan keagamaan di Alam Melayu.

Naskhah *Hikayat Raja-Raja Pasai* yang dipilih dalam kajian ini adalah teks yang dikaji dan diperkenalkan oleh Russell Jones dan diterbitkan oleh terbitan bersama Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur pada tahun 1999 yang mengandungi 72 halaman dalam bahasa rumi. Manakala, naskhah *Sulalatus Salatin* atau Sejarah Melayu yang menjadi bahan kajian merupakan teks yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad. Teks ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur pada tahun 1979 yang mengandungi 354 halaman yang sudah pun ditransliterasikan kepada bahasa rumi.

Justifikasi pemilihan bahan di atas bertepatan dengan persoalan dan objektif yang dikemukakan iaitu sebuah naskhah yang sudah tidak asing lagi bagi para sarjana untuk meneliti ketamadunan bangsa Melayu. Kedua naskhah tersebut memiliki kebudayaan tersendiri, tetapi terkenal dalam sejarah dan tamadun bangsa sebagai karya yang terawal menerima pengaruh Islam di Alam Melayu. Tambahan pula dua naskhah tersebut, dapat dijadikan model, sumber atau falsafah untuk merujuk kembali sejarah mengenai politik tradisi yang dilaksanakan dalam empayar tersebut pada era kegemilangan Islam (Mohd. Idrus Jusi, 1973: 21).

Selain itu, pengamatan melalui dua naskhah historiografi Melayu yang dipilih adalah untuk meneliti dasar pelaksana politik Islam oleh institusi raja Melayu dalam politik pemerintahan Melayu tradisi. Oleh itu, penelitian dasar kajian pemerintahan Melayu ini akan mengaplikasikan Teori Politik Islam (Yahaya Jusoh, 2014) sebagai panduan untuk mengkaji maklumat dan sumber prinsip politik Islam yang boleh diamati dalam historiografi Melayu. Kebatasan rujukan dan perbincangan juga berkait rapat dengan sumber politik Islam dan pemerintahan Melayu yang dicorakkan dalam kerajaan Melayu terawal iaitu Kerajaan Pasai dan Melaka. Lebih jelas, kajian ini memberi fokus utama kepada bidang politik Islam dalam pemerintahan di Alam Melayu dengan merujuk bahan-bahan naskhah kesusasteraan Historiografi Melayu sebagai bahan pembuktian terhadap penelitian dan perbincangan kajian. Oleh itu, tatacara dan kekuatan pemilihan bahan kajian akan dibincangkan dalam **Bab 3** seterusnya.

1.7 Definisi Konsep

Pada bahagian ini, pengkaji akan meneliti beberapa definisi operasional yang seharusnya diberi penekanan untuk diterangkan sebelum fasa analisis dilakukan terhadap naskhah-naskhah yang akan dikaji dalam bab seterusnya. Sehubungan itu, definisi ini untuk menjelaskan serta memahami tajuk yang dikemukakan dalam kajian ini. Perbincangan ini berhasrat memperincikan politik Islam berbeza dengan politik Barat. Oleh itu, perbincangan definisi operasional untuk melengkapkan pemahaman yang lebih jelas dan matang tentang tajuk yang dibahas dalam kajian ini melalui pandangan-pandangan yang dinyatakan berkaitan perkara tersebut. Pengkaji mengupas beberapa istilah yang perlu diberi penekanan iaitu istilah Politik Islam, kesusasteraan Historiografi dan Melayu sebagai wahana dalam kajian ini.

1.7.1 Politik Islam

Politik Islam ialah kata gabungan dari dua perkataan iaitu politik dan Islam. Politik adalah satu bidang mengenai pemerintahan dan mentadbir negara, manakala Islam ialah agama Allah SWT yang diperturunkan secara wahyu kepada Nabi dan Rasul. Dalam memberi erti politik Islam, perincian tentang Islam perlu diperjelaskan terlebih dahulu dan ikuti pengertian politik. Hal ini sebabkan, Islam ialah agama dan politik merupakan salah satu bidang ilmu dalam agama Islam. Islam ialah agama yang syumul, tiada lagi agama yang sempurna di sisi Allah selain agama Islam ini. Islam merupakan satu kepercayaan agama yang mentauhidkan Allah serta nabi Muhammad SAW merupakan nabi terakhir dalam sejarah Islam. Dalam memberi tafsiran mengenai Islam

terdapat pelbagai pendapat yang telah dikemukakan. Penghuraian ini tidak secara mendalam, tetapi memahami maksud atau definisi Islam yang diperkatakan dalam kajian ini. Dalam *Ensiklopedia Indonesia* (1980: 695) mentakrifkan Islam ialah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud tunduk dan patuh terhadap perintah Allah. Manakala dari segi agama Islam pula didefinisikan agama yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW dan bersandarkan kepada kitab al-Quran dan Hadis atau sunnah Rasulullah seperti Allah SWT berfirman:

Terjemahan: *Dialah yang telah mengutus rasul-Nya (Muhammad) dengan (membawa) pertunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.*

(Surah at-Taubah, 9: 33)

Selain itu, Islam juga membawa maksud agama yang selamat dan sejahtera. Perkataan Islam itu telah berasal daripada kata akar aslama, yuslimu dan islaman yang diertikan sebagai sejahtera dan damai (Ahmad Sabri Osman, 2013: 2). Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001: 65) juga mentakrifkan:

Islam adalah agama dalam erti kata yang sebenarnya, iaitu agama yang ditanzilkan oleh Allah Yang Mahasuci lagi Mahamurni dengan perantaraan wahyu menerusi PesuruhNya yang Terpilih (para nabi) dan dasar-dasar akidahnya dinyatakan dalam Kitab Suci Al-Quran dan amalan-amalannya diacarakan dalam Sunah NabiNya (hadis) yang Agung itu.

Pengertian yang lebih jelas mengenai definisi Islam oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas ialah membicarakan Islam itu merupakan agama diturunkan oleh Allah secara wahyu kepada para Nabi dan kitab al-Quran serta Sunnah Rasulullah sebagai ikutan dan amalan yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Hal ini juga sama diutarakan oleh Sayed Sabiq (2011: 15), menyatakan maksud Islam:

“...adalah agama Allah yang diwahyukan kepada nabi Muhammad SAW. Ia terdiri daripada Iman dan Amal. Iman merupakan aqidah dan asas terbinanya hukum syariat Islam. Iman terdiri daripada beberapa cabang. Manakala amal merupakan syariat dan hasil daripada iman.”

Manakala, Altaf Gauhar (1982: xxxvii) mengertikan Islam sebagai kesetiaan yang tunggal, iaitu kesetiaan manusia kepada Tuhannya dan kesetiaan kepada kebenaran dan kebajikan. Kesetiaan yang dimaksudkan ini memperteguhkan prinsip bahawa semua manusia ini sama dan tidak perlu dibezakan antara sama lain. Khairul ‘Azmi Mohamed (2002: 213) pula menyatakan Islam adalah “Ad-Deen”, yang bermaksud

sistem kehidupan. Dengan makna yang menyeluruh juga bermaksud satu sistem kehidupan ke arah keamanan dan kesejahteraan kehidupan. Kesenambungannya, Islam itu perlu berkaitan dengan kehidupan seharian dan agama Islam merupakan agama yang perlu membawa umatnya ke arah keamanan dan damai seperti dalam istilah “Ad-Deen”.

Selain itu, Abdul Latif Muda (1998: 59-60) mengistilahkan Islam diertikan sebagai taat, damai, patut dan aman. Dari sudut bahasa pula, Islam bermaksud mentauhidkan Allah, patuh kepada perintah-Nya, akur dan ikhlas beribadat dengan apa yang dibawa daripada Allah melalui para rasul-Nya. Seterusnya, Amir Abdul Rahman (1991: 2) pula, mentakrifkan Islam daripada segi kebudayaan ialah cara hidup, cara berfikir dan cara berasa takwa dalam seluruh bidang kehidupan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunah Rasulullah SAW.

Walau bagaimanapun, pelbagai istilah dan definisi yang diberikan terhadap “Islam”, tetapi Islam ini masih sama iaitu masih tidak terkeluar dalam konteks mengekalkan perkataan Allah, Rasulullah, al-Quran dan Sunah setiap pengertian yang diberikan seperti yang diperjelaskan. Melalui perhatian ini, dapat dirumuskan Islam adalah agama Allah serta patuh, taat, tunduk, akur dan ikhlas dalam beribadat kepada-Nya melalui utusan-Nya iaitu Nabi Muhammad SAW dengan cara hidup, berfikir dan bertakwa dalam seluruh kehidupan yang perlu bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Seterusnya, perkataan politik berasal daripada perkataan Bahasa Yunani ‘politikos’ atau Bahasa Latin “politica”. Manakala dalam Bahasa Perancis disebut “politique”, dalam Bahasa Jerman “politik” dan dalam Bahasa Belanda ditulis “politeik”. Politik disebut dalam pelbagai bahasa tetapi asal katanya ialah daripada kata “polis” bermaksud “negara kota” dan “polis” membawa maksud erti kemajuan. Mohd Zain (1991: 9) menyatakan politik dalam Bahasa Belanda didefinisikan sebagai tipu muslihat, pemerintah, siasat pemerintahan, peperangan, tipu muslihat peperangan, mempolitikkan sesuatu, mengetahui sesuatu dengan memakai tipu muslihat.

Secara umumnya, politik adalah berkaitan hal-ehwal pemerintahan dan pentadbiran negara. Perkataan politik dalam bahasa Inggeris terdapat dua ejaan iaitu politic dan politics. Menurut Che Norlia Mustafa (2002: 176), kedua-dua ejaan dalam bahasa Inggeris tersebut membawa maksud berlainan. Politik tanpa huruf “s” bermaksud “astutely contriving or intriguing” iaitu sesuatu yang bersifat deceitful atau tidak jujur atau helah negatif. Manakala ejaan politik dengan huruf “s” diertikan sebagai “*the art or science of government*” iaitu seni pemerintahan atau ilmu berkaitan dengan kerajaan atau “*any activity concerned with the acquisition of power*” iaitu kegiatan atau aktiviti untuk memperoleh kuasa pemerintahan.

Selain itu, dalam Bahasa Melayu mengikut *Kamus Dewan* (1970: 885), politik bermaksud segala berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain. Istilah politik melalui bahasa diertikan aspek kekuasaan, peraturan urusan kenegaraan, bentuk dan sistem pemerintahan (Yazid Haji Maarof & Mohammad Kamil Ab. Majid, 2015: 9). Menurut Haron Daud (1989: 84) pula, politik ditaksirkan sebagai

orang, masyarakat atau organisasi yang berkuasa dalam sesebuah negara khususnya, dalam hal-hal berkaitan dengan pemerintahan. Dengan kata lain, politik itu adalah kuasa yang dapat memerintah dan mentadbir negara mengikut ideologi pemimpin.

Dalam Islam, perkataan politik ini dikenali sebagai siasah (*siyasah*) yang berasal dari bahasa Arab yang ditakrifkan perintah, tegah, melakukan kebaikan dan mendidik. Dalam bahasa Arab yang lain, istilah sistem politik Islam dapat ditakrifkan sebagai “*al-Nizam al-siyasi al-Islamiy*” diertikan sebagai peraturan-peraturan-peraturan (dasar, kaedah dan pendekatan atau strategi) yang mengatur perjalanan pentadbiran negara menurut landasan Islam iaitu berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah (Shukeri Mohamad, 2002: 80). Oleh itu, menurut Yazid Haji Maarof & Mohammad Kamil Ab. Majid (2015: 9) istilah politik dalam bahasa Arab lebih menekankan aspek mengurus (*idarah*), pemeliharaan (*ri'ayah*), pentunjuk arah (*irshad*) dan mengatur kebajikan (*islah*). Manakala, menurut Alias Othman (1991: 10) perkataan siasah dalam Bahasa Arab juga disebut “*sasa-al-waliu ar-raiyata siyasatan*”, ia diertikan sebagai pemerintah itu memerintah rakyat, menegah mereka dan bertindak memimpin mereka. Perkataan siasah juga dikenali sebagai al-Siasah diambil daripada kata “*Sasa Yasusu*” iaitu menjalankan pemerintahan dan mengatur hal ehwal pentadbiran (Sheikh Muhammad al-Amin al-Syanqiti, 2009: 54)

Selain itu juga, menurut Abdul Monir Yaacob (2002: 65), *siyasah* dalam konteks negara memberi pengertian pengurus hal ehwal negara, juga memberi erti politik. Sidi Gazalba (1978: 263), mentakrifkan politik dari segi kebudayaan ialah cara-cara mengatur sosial dan ekonomi sebaik-baiknya dengan membentuk kehidupan masyarakat yang sejahtera dan kemakmuran kepada negara. Mohd Kamal Hassan (1982: 111), politik Islam adalah membicarakan tentang pemerintahan negara menurut ajaran-ajaran Islam iaitu merangkumi semua aspek kehidupan yang berkaitan aspek moral, rohaniah, ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan serta pemikiran individu dan masyarakat.

Abdul Wahab Khallaf (1991: 11) *siyasah* membawa maksud mentadbir urusan awam dalam negara Islam dengan melaksanakan kepentingan dan menolak segala yang bercanggah dengan hukum syariat dan dasar-dasar asasnya. Menurut Bharuddin Che Pa (2013: 8), *siyasah* diertikan satu istilah yang sangat berkaitan dengan urusan kerajaan dan rakyat serta bagaimana pihak kerajaan mengendalikan hal-ehwal kenegaraan yang memberi kebaikan dan keuntungan kepada rakyat dan masyarakat. Oleh itu, dapat dirumuskan politik Islam ialah satu sistem menekankan dasar-dasar pemerintahan dan pentadbiran dalam negara Islam berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber peminanya. Dengan kata lain, politik berkonsep segala ajaran berkaitan aspek-aspek yang berkaitan kehidupan seharian mengikut ajaran Islam.

1.7.2 Historiografi Melayu

Perbincangan ini juga diteruskan dengan definisi historiografi Melayu. Setiap kerajaan yang ditubuhkan mempunyai sejarahnya yang tersendiri terutamanya kerajaan di Alam Melayu. Historiografi Melayu dikategorikan dalam sastera tradisional yang berbentuk

sastera tulisan. Historiografi Melayu juga dikenali dengan nama lain iaitu sastera sejarah atau lebih dikenali juga dengan nama pensejarahan Melayu merupakan sebuah naskhah sastera yang berkembang pada zaman sastera Islam. Kebanyakan historiografi Melayu banyak menggunakan nama ‘hikayat’ yang bermaksud cerita atau dikenali juga salasilah, silsilah dan salsilah yang bermaksud daftar keturunan (Liaw Yock Fang, 1978: 203).

Historiografi juga disebut sebagai pensejarahan yang bermaksud sejarah. Dalam konteks ini, Muhammad Yusoff Hashim (1992: 1) menyatakan pensejarahan ialah sejarah merupakan catatan-catatan peristiwa dan peristiwa-peristiwa itu sendiri yang saling berkaitan dan mempunyai pertalian yang relatif. Peristiwa-peristiwa yang dimaksudkan merupakan sejarah yang dicatat dan terus berkembang menjadi satu sejarah yang menjadi sumber ilmu yang akan datang. Hal ini juga sama diutarakan oleh Khoo Kay Kim (1979: 1), pensejarahan bermaksud hal berkaitan penulisan sejarah atau naskhah yang merupakan tafsiran seorang ahli sejarah mengenai masa lalu.

Haron Daud (1989: 7) juga menyatakan, pensejarahan ialah penulisan sejarah atau historiografi melalui teknik penulisan bercorak sastera yang mengandungi fakta sejarah. Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (1994: 1) juga, pensejarahan Melayu ialah pensejarahan negeri dan jurai keturunan dalam bentuk tradisi atau bercorak moden yang dikenali sebagai sastera sejarah ialah sebuah naskhah sastera yang mempunyai unsur sejarah. Oleh itu, historiografi juga bermaksud pensejarahan yang disama ertikan dengan perkataan “sejarah”. Perkataan sejarah berasal dari perkataan Arab, iaitu ‘syajarah’ yang bermaksud ‘pohon’ atau daftar keturunan (Liaw Yock Fang, 1978: 203). Namun, dalam bidang kesusasteraan Melayu, historiografi Melayu atau pensejarahan Melayu jarang digunakan kerana telah dikenali sebagai “sastera sejarah” dikalangan sarjana-sarjana sastera.

Terdapat beberapa pandangan yang diberikan oleh para sarjana sastera tentang konsep sastera sejarah ini. Harun Mat Piah (2006: 314) mengertikan sastera sejarah ialah hasil penulisan yang mengandungi unsur-unsur sejarah atau unsur-unsur yang bersifat sejarah, mengikut konsep dan ukuran masyarakat dan zaman yang menghasilkannya. Menurut Haron Daud (1994: 135) pula, sastera sejarah ialah naskhah yang menggambarkan sejarah orang Melayu daripada pelbagai aspek kehidupan dan nilai-nilai utama pada zaman tersebut. Tatiana Denisova (2012: 106), menyatakan sastera sejarah merupakan karya sejarah yang amat penting untuk memahami dan membina semula sejarah perkembangan masyarakat Melayu pada zaman naskhah tersebut dihasilkan.

Selain itu, Mana Sikana (2007: 117) mendefinisikan lebih terperinci mengenai sastera sejarah iaitu sastera yang berkonsepkan sejarah yang menggambarkan pertumbuhan dan perkembangan kerajaan sesebuah negara atau negeri dengan gaya penulisan menarik dan cenderung ke arah gaya sastera. Sastera sejarah umumnya bersifat realiti. Hal ini kerana, pemusatan penceritaannya adalah sejarah yang bersifat *spectacular* yang berkait rapat dengan negara kota, institusi kesultanan dan peristiwa-peristiwa yang bersabit dengannya. Oleh itu, penceritanya berlatarkan daerah-daerah tertentu dengan konsep masa yang lebih jelas dan khusus daripada cerita-cerita rakyat seperti

roman penglipur lara (Noriah Taslim, 1993: 131). Seterusnya, Liaw Yock Fang (1993: 11) menganggap sastra sejarah sebagai sastra yang banyak mengandungi hal-hal berkaitan kemasyarakatan dan boleh digunakan untuk menyusun sejarah masyarakat. Demikian juga dengan Mohd Taib Osman (1965: 44) memberi maksud sastra sejarah mengenai kisah tentang peristiwa-peristiwa bersejarah yang disusun dalam bentuk sastra yang agak baik juga dan berfungsi untuk pengarang dan generasi semasa pengarang dan keturunan-keturunan mereka.

Menurut Ali Ahmad (1986: 264), aspek yang menarik mengenai karya sastra yang bercorak sejarah adalah penggunaan bahan. Bahan yang digunakan adalah sama, iaitu menceritakan jurai keturunan raja, asal usul raja, pembukaan negeri dan kedatangan Islam. Bahan yang sama adalah disebabkan persamaan budaya yang dari bahan tersebut diikat dan diadun oleh pengarang sehingga menjadi sebuah naskah sastra dengan memperlihatkan kewajaran serta fungsinya melalui sudut tujuan dan tema karya tersebut.

Natijahnya, sastra historiografi atau sastra sejarah adalah hasil naskah yang mengandungi unsur sejarah mengenai bangsa, kebudayaan dan sesebuah kerajaan yang ditulis melalui pandangan masyarakatnya dengan menggunakan olahan dan corak penulisan sastra. Terdapat beberapa ciri untuk menentukan sesebuah naskah sebagai sastra sejarah yang dapat dilihat melalui lima cara iaitu (a) menceritakan asal usul raja, (b) mengemukakan jurai keturunan raja, (c) menceritakan kisah pembukaan negeri yang diperintah oleh raja, (d) menceritakan bagaimana agama Islam mula-mula tiba negeri itu dan (e) menceritakan keadaan negeri atau kerajaan itu pada peringkat akhirnya. Kelima-lima cara ini dapat menentukan kebudayaan masyarakat Melayu dari pelbagai aspek yang diceritakan dalam karya kesusasteraan historiografi Melayu ini.

1.7.3 Melayu

Istilah Melayu merujuk beberapa kawasan atau tempat tinggal kepada bangsa Melayu. Perklasifikasi untuk golongan “Melayu” adalah sangat kabur dan banyak kekeliruan tentang asal-usulnya. Dalam istilah “Melayu” ini, secara umumnya definisi yang diberikan tertumpu pada sesuatu bangsa atau etnik. Dikatakan orang Melayu ialah etnik atau bangsa yang menduduki atau menetap di Gagasan Kepulauan Melayu, Alam Melayu dan Nusantara. Perbezaan penetapan ini disebabkan perbezaan geopolitik yang meliputi empayar-empayar Islam di Asia Tenggara yang diduduki oleh bangsa Melayu di beberapa buah negara seperti Indonesia, Malaysia, Selatan Filipina, Brunei dan Selatan Thai (Hasanudin Daud, 2009: 102).

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1991: 18), orang Melayu dalam erti kata yang luas adalah mereka yang menganuti agama Islam dan bertutur dalam bahasa Melayu sama ada bahasa Melayu baku atau bahasa Melayu dialek. Mohamed Anwar Omar Din (2011: 14) juga mendefinisikan “Melayu” merupakan satu bangsa yang ditentukan oleh agamanya iaitu Islam dan menutur dalam bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Autronesia + Austroasia + Sanksrit + Islam serta mengamalkan adat warisan budaya Nusantara. Orang Melayu atau bangsa Melayu ini mempunyai jati diri yang tersendiri

yang dapat dibezakan dengan bangsa lain seperti India, China dan lain-lain khususnya dalam kebudayaan.

Selain itu, Muhammad Yusoff Hashim (1992: 3), menyatakan “Melayu” diertikan sebagai etnik yang mendiami selatan Siam sehingga seluruh Malaysia dan bertutur dalam bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Hal juga sama diutarakan oleh Ismail Hussein (1991: 101), “Melayu” ialah suku bangsa Nusantara yang terdiri daripada pelbagai suku seperti Aceh, Batak, Minangkabau, Jawa, Bugis dan Orang Asli. Haziyah Hussin (2004: 16) menyatakan Perkataan Melayu berasal daripada perkataan Sanskrit yang merujuk kepada tanah daerah yang mengelilingi lautan. Menurut Frank Swettenham (1993: 18) menyifatkan “Melayu” ialah:

“Seorang Melayu jati tidak tinggi orangnya, tegap dan bidang, berambut hitam dan lurus, berkulit perang tua, hidung leper dan bibir tebal, mata yang bersinar dan cerdas. Dia pada umumnya berbudi bahasa, bersopan dan mudah berbicara.”

Sifat “Melayu” yang diberikan oleh Swettenham menunjukkan orang Melayu ialah seorang yang bersopan, lemah lembut dan berbudi berbahasa. Sifat garang orang Melayu disebabkan perasaan orangnya tersinggung disebabkan perkara tertentu. Abdullah Mohamed (1987), menyatakan “Melayu” ialah istilah sebuah nama tempat dikenali Semenanjung Tanah Melayu dan bangsa Melayu telah terkenal sejak empayar Melaka wujud pada abad ke-15 kerana raja-raja Temasik (Singapura) dan Melaka berketurunan “Melayu” atau “Jambi”.

Seperti diperjelaskan di atas, pelbagai definisi telah diberikan tentang “Melayu” dan berbeza-beza pandangan kerana perkataan Melayu sendiri yang bersifat umum. Namun, perkataan Melayu masih relevan jika merujuk kepada bangsa Melayu yang menetap di Alam Melayu iaitu Indonesia, Singapura, Malaysia, Selatan Filipina, Brunei, Selatan Thai (Patani), dan Aceh dan dapat bertutur dalam bahasa Melayu serta beragama Islam. Menurut Wan Hashim Wan Teh (1991: 19), Alam Melayu kini merangkumi negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, wilayah selatan Siam dan selatan Filipina. Hal ini disebabkan, sebilangan etnik yang terdapat dalam negara tersebut masih menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, politik Islam dalam naskah historiografi Melayu adalah satu perkara yang perlu diperhatikan. Memandangkan kajian politik masa kini lebih cenderung menggunakan gaya Barat berbanding corak politik tradisi yang bersumberkan Islam. Islam merupakan agama yang dihalalkan oleh Allah SWT, secara tidak langsung menggunakan pendekatan politik berlandaskan Islam adalah untuk menghalalkan pemerintahan dan pentadbiran yang diredhai oleh-Nya. Politik Islam sudah semakin malap, dan politik Barat semakin berkembang selepas penjajahan Barat di Alam Melayu seperti fenomena politik mutakhir masa kini. Justeru itu, kajian ini

mengetengahkan politik tradisi Melayu yang sebenar melalui pendekatan Islam sebelum fenomena politik pembaratan berlaku di Alam Melayu.

Sehubungan dengan itu, dalam memperjuangkan politik Islam, kajian ini membataskan dua naskhah yang terawal yang menerima pengaruh Islam sebagai pembuktian dan penjelasan mengenai perkara yang dibincangkan seperti mana yang sudah diperjelaskan. Naskhah tersebut menjadi khazanah kekayaan pemikiran sesuatu bangsa dan juga menjadi rujukan serta landasan bagi sesuatu bangsa itu untuk mengorak langkah kemajuan yang mahu diterokainya. Naskhah seperti ini mampu menjadi harta dan khazanah sesuatu bangsa Melayu yang membolehkan tamadunya dikenali buat selama-lamanya. Kajian ini juga berusaha untuk mengkaji serta merealisasikan antara agama dengan politik dalam Islam. Bagaimana hubungan kaitnya antara Islam, politik, naskhah historiografi dan kerajaan Melayu, sebagaimana persoalan dan objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Karim.

- A. Aziz Deraman. (2008). Pola Minda Melayu. Dalam Anwar Ridhwan (pngr.), *Minda Melayu* (hlm. 1-34). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2015). *Minda Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Hasjmy. (1970). *Di mana Letaknya Negara Islam*. Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional.
- A. Samad Ahmad. (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Basit Abdul Rahman. (2012). *Keindahan Islam: Hikmah-Hikmah di Sebalik Pensiariatan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Abdul Hadi Awang. (2010). *Taktik & Strategi Berpolitik Gaya Khulafa ar-Rasyidin*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdul Jalil Borham. *Konsep Siyasa Syar'yyah dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasa Syar'yyah Dalam Konteks Masa Kini, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka. Februari 2013.
- Abdul Latif Muda, Rosmawati Ali & Mat Zin. (1998). *Pengantar Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abdul Monir Yaacob (pnyt.). (2002). *Etika dan Budaya Berpolitik Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rahman al-Ahmadi. (1966). *Pengantar Sastera*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Razak. (2010). Syura dan Demokrasi: Persamaan dan Perbezaannya. *Jurnal Media Akademika*, 25(3): 293-309.
- Abdullah Mohamed. (1987). Yavadvipa Suatu Empayar Besar Telah Dilupakan. Dalam *Warisan Kelantan VI* (hlm. 1-21). Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdullah Muhammad Zin. (2014). Penghayatan Wasatiyyah Pencetus Transformasi Ummah. Dalam Norhasnira Ibrahim *et al.* (pnyt.). *Sunnah Asas Wasatiyyah, Pencetus Transformasi Ummah* (hlm. 1-12). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abdur Rahman Mohamed Amin. (2015). Sabda Nabi Muhammad SAW Dalam *Sulalat us-Salatin*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(1): 45-62.

- Abu'l-a'laa al-Mawduwdiy. (1976). *Asas-Asas Islam*. Kota Bharu: Penerbit Al-Ahliyah Sdn. Bhd.
- Abu Al-'Ala Al-Mawdudiy. (1994). *Pandangan Islam Tentang Politik*. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Kautsar Sdn. Bhd.
- Adil Akhyar. (2013). *7 Peringkat Nafsu*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Ahmad Nabil Bin Amir. (2009). Sistem Politik Islam di Zaman Nabi Muhammad S.A.W. *Jurnal Isuluddin*, 29(1): 221-252.
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ahmad Sabri Osman. (2013). Konsep Keselamatan dan Kebenaran Menurut Islam dan Pluralisme Agama: Analisis Menurut Pandangan Ismail Raj al-Faruqi. *Jurnal Interlek* 8(1): 1-11.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2002). *Muafakat dalam Kesejahteraan*. Kota Bharu: Pustaka Cemerlang.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Mohammad. (2008). Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Di Alam Melayu Hingga Abad Ke-17. *Jurnal Al-Tamadun*, 3(1): 68-84.
- Alias Othman. (1991). *Asas-Asas Pemikiran Politik Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Allamah Kamal Faqih Imani. (2003). *Tafsir Nurul Quran: Sebuah Tafsir Sederhana Menuju Cahaya al-Quran*. Jakarta: Penerbit Al-Huda.
- Altaf Gauhar (pngr.). (1982). *Tantangan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Ambo Asse. (2010). Konsep Adil Dalam Al-Quran. *Jurnal Al-Risalah*, 10(2): 273-288.
- Amir Abdul Rahman. (1991). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2011). Perkembangan Pensejarahan Islam Di Alam Melayu. *Jurnal Al-Tamadun*, 6(1): 29-50.
- Atikullah Abdullah. (2009). Fiqh Lestari: Ke Arah Penyusunan Prinsip-Prinsip Muamalat Islam untuk Pembangunan Lestari yang Sepadu. *Jurnal MALIM*, 10: 73-92.
- Auni Abdullah. (1991). *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

- Auni Abdullah. (2005). *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Bazrul Bin Bahaman. 2008. *Budaya Politik dalam Historiografi Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Bharuddin Che Pa. 2012. Institusi Raja dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam di Nusantara. Dalam *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam* (hlm. 690-698). Seri Begawan, Brunei: Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Budhy Munawar-Rachman (pngr.). 2011. *Ensiklopedi Nurcholish Madjid*. Jil. 1. Jakarta: Democracy Project Yayasan Abad Demokrasi.
- Budhy Munawar-Rachman (pngr.). 2012. *Ensiklopedi Nurcholish Madjid*. Jil. 2, 3 & 4. Jakarta: Democracy Project Yayasan Abad Demokrasi.
- Clive S. Kessler. (1995). Beberapa Unsur Kesenambungan dalam Budaya Politik Melayu. Dalam *Tamadun Melayu*. Jil. 4 (hlm. 1449-1475). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming. (2009). Pemikiran Melayu dalam Manuskrip Melayu. *Jurnal Aswara*, 195-224.
- Dusuki Haji Ahmad. (2012). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ensiklopedia Indonesia*. (1980). Jil. 2. Bandung: N. V Penerbitan W. Van Hoeve.
- Fakhrudin Abdul Mukti, Mohd Fauzi Hamat, Faizuri Abd Latif & Norafifah Ab Hamid. *Wasatiyyah dan Keamanan Global: Kajian Terhadap Pemikiran Ulama Melayu*. Kertas Kerja Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam. Februari 2010.
- Frank Swettenham. (1993). *A Nocturne and Other Malayan Stories and Sketches*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hamka. (2007). *Lembaga Hidup: Perhiasan Insan Gemilang*. Shah Alam: Penerbit Pustaka Dini.
- Handoko al-Faqir. (2011). Jalan Ma'rifatullah. <https://jalanmarifatullah.wordpress.com/2011/05/16/barang-siapa-mengenal-dirinya-mengenal-tuhannya.html>. Diakses 02 Januari 2017.
- Haron Daud. (1987). Karya-karya Historiografi Melayu Tradisional (Bahagian Pertama). *Dewan Sastera*, Januari: 71-75.
- Haron Daud. (1987). Karya-karya Historiografi Melayu Tradisional (Bahagian Kedua). *Dewan Sastera*, Februari: 69-74.
- Haron Daud. (1987). Karya-karya Historiografi Melayu Tradisional (Bahagian Ketiga). *Dewan Sastera*, Mac: 42-46.

- Haron Daud (pngr.). (1994). *Kesusasteraan Klasik Manusia dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (1989). *Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abdul Rahman Kaeh, Ismail Hamid, Abu Hassan Sham & Jamilah Haji Ahmad. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Su'aidi. (2009). Konsep Amar Ma'ruf Nahi Munkar Perspektif Hadits. *Jurnal Penelitian*, 6(2): 1-14.
- Hasanudin Duad. *Islam dan Politik: Dinamika Kerjasama Tokoh Serumpun Dalam Menghadapi Penjajah*. Kertas Kerja Seminar Dialog Membangkitkan Memori Kolektif Kesenjangan Indonesia-Malaysia, Tanjung Pinang, Indonesia. Oktober 2009.
- Hassan Ahmad. (2005). *Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Haziyah Hussin. (2004). Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Melayu. *Jurnal Jebat*: 15-38.
- Hendra Meygautama. (2009). Legislasi Hukum Islam Melalui Mekanisme Syura. *Jurnal Pemikiran dan Peradaban Islam: Islamia*, 5(2): 110-123.
- Ibnu Taimiyah. (1997). *Peradaban Politik Islam*. Terj. Batu Caves: ALBAZ Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- Idris Zakaria. (1991). *Teori Politik Al-Farabi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Zakaria. (2012). Islam dan Falsafah dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari*, Special Edition: 91-108.
- Idris Zakaria. *Persetiaan Raja, Kerajaan dan Rakyat Daripada Perspektif Islam*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan, Anjuran Lembaga Peradaban Melayu, Kuala Lumpur. November 2014.
- Ilham Saleh. (2013). Hawa' Dalam Perspektif Al-Quran. *Jurnal Adabiyah*, 13(2): 194-202.
- Imam Al-Ghazali. (1980). *Ihya Ulumiddin: Jiwa Agama*. Jil. 3. Indonesia: Pencetakan Menara Kudus.
- Imam al-Ghazali. (1979). *Keajaiban Hati*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ismail Hamid. (1986). Sastera Sejarah dalam Kesusasteraan Melayu Lama. *Dewan Sastera*, Julai: 71-74.

- Ismail Hussein. (1991). Malaysia dan Indonesia Sebagai Wilayah Induk Dunia Melayu. *Jurnal Dunia Melayu*: 98-104.
- Ismail Mod Hassan. (t.th). *Sistem Islam: Akidah dan Ibadat*. Terj. Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam.
- Jelani Harun. *Pemerintahan dan Politik Dalam Naskhah Melayu*. Kertas Kerja Wacana Naskhah Kesultanan Melayu: Pemerintahan dan Politik, Anjuran Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Oktober 2016.
- Jeniri Amir. (2010). Peranan Seni dan Budaya Suku Kaum Sarawak. Dalam *Gagasan 1 Malaysia Melalui Landasan Seni & Budaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- K. H. Moenawar Chalil. (1996). *Kembali Kepada Al-Quran dan As-Sunnah: Suatu Muqaddamah Bagi Himpunan Hadis-Hadis Pilihan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Kaizal Bay. (2011). Pengertian Ulil Amri dalam Al-Qur'an dan Implementasinya Dalam Masyarakat Muslim. *Jurnal Ushuluddin*, 17(1): 115-129.
- Khoo Kay Kim. (1979). *Panji-Panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khoo Kay Kim. (1993). Kerajaan dan Politik: Pengalaman Tamadun Melayu. Dalam *Tamadun Melayu*. Jil 2 (hlm. 432-447). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang. (1978). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mana Sikana. (2007). *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Bangi: Pustaka Karya.
- Majid Khadduri. (1994). *Konsep Keadilan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad al-Bakri. (2014). *Pemimpin Yang Adil Rahmat Untuk Rakyat*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Mohamed Anwar Omar Din. (2011). Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya. *Jurnal Melayu*, 7(1): 1-82.
- Mohammad 'Utsman Najati. (1985). *Al-Quran dan Ilmu Jiwa*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Mohamed Yusoff Ismail. (2003). Perpaduan Negara dan Pembentukan Bangsa Melayu. Dalam *Membina Bangsa Malaysia: Perpaduan Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Akhir Yaacob (pent.). (1990). *Islam, Politik dan Pemerintahan*. Shah Alam: Penerbitan HIZBI.
- Mohd. Idrus Jusi. (1973). Islam dan Beberapa Pengaruhnya Dalam Sistem Politik Melayu Tradisi. *Jurnal Jebat*, 4(1): 16-26.
- Mohd Koharuddin Bin Mohd Balwi. 1999. *Pemikiran Politik Melayu Tradisi: Satu Kajian Berdasarkan Cerita Penglipur Lara Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Yusoff. (2007). *Akhlag Mulia dan Bimbingan Moral*. Puchong: Berlian Publication.
- Mohd Yusoff. (2007). *Bimbingan Akhlak Mulia dan Nilai-Nilai Murni*. Puchong: Berlian Publications.
- Muhammad al-Ghazali. (1997). *Akhlag Seorang Muslim*. Batu Caves: Thinker's Library Sdh.Bhd.
- Muhammad Harfin Zuhdi. (2014). Konsep Kepimpinan Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Akademika*, 19(1): 35-57.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1992). *Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (1994). *Pensejarahan Melayu 1800-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Abdullah. (1997). *Tafsir Surah al-Fatihah dan Surah al-Baqarah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Mustafa Haji Daud. (1997). *Al-Quran Sumber Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Pengantar Politik Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- N. A. Halim. (1988). Malik al-Saleh Pemerintah Islam Awal di Nusantara. https://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1988&dt=0624&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_01.htm. Diakses 04 Januari 2017.
- N. J. Krom. (1954). *Zaman Hindu*. Djakarta: P. T. Pembangunan.

- Nor Dalilah Zakaria. 2012. *Pelaksanaan Ibadat Solat Hubungannya Dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Keluarga, Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed. (2011). Karya Agung Melayu. <https://karyaagungmelayu14.blogspot.my/2014/11/artikel-2.html?m=1>. Diakses 23 Januari 2017.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- O. K. Rahmat. (1988). *Sumber dan Prinsip Hukum Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Omardin Ashaari. (2008). *Sistem Politik Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- P. E Dejoselin De Jong. (1986). Ciri Sejarah Melayu. Dalam Zahrah Ibrahim (pnyt.). *Sastera Sejarah: Interpretasi Dan Penilaian* (hlm. 56-64). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Awang. (2005). *Akidah Penghayatan Tauhid Al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramli Awang. (2012). *Islam: Pemikiran Kenegaraan dan Pemerintahan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Rohani Nasir & Fatimah Omar. (2006). *Kesejahteraan Manusia Perspektif Psikologi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslina Abu Bakar. (2013). World View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pendeta*: 143-161.
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. (2009). *Tafsir Mubin Juzuk 1-5*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanusi Samid. (1986). Sejarah Melayu Sebagai Sumber Sejarah. Dalam Zahrah Ibrahim (pngr.). *Sastera Sejarah: Interpretasi Dan Penilaian* (hlm. 65-74). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayed Sabiq. (2011). *Akidah Islam: Menurut Al-Quran dan Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Sayid Sabiq. (1990). *Fikih Sunnah*. Jil. 14. Kuala Lumpur: Penerbit Victory Agencie.
- Shahrul Anuar Nordin. 2012. *Pemikiran Politik Islam di Aceh pada Abad Ke-17M: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj al-Salatin, Sulalah al-Salatin dan Bustan al-Salatin*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (Upena), Universiti Teknologi Mara.
- Shamsul Mohd Nor. (2012). *Hakikat Hidup Beriman*. Batu Caves: Yamani Angle Sdn Bhd.
- Sheikh Muhammad al-Amin al-Syanqiti, Abdul Basit Abdul Rahman. (2009). *Islam Agama Sempurna*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Shukeri Mohammad. (2012). Peranan Politik Islam Dalam Mencapai Maqasid Al-Syariah: Konteks Malaysia. Dalam Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamad (pnyt.). *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam* (hlm. 79-97). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Sidi Gazalba. (1978). *Asas Kebudayaan Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Siti Hawa Salleh. (1992). *Kumpulan Esei Sebutir Pasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh. (1994). Unsur Kepercayaan Manusia Melayu Dalam Karya-Karya Historiografi Tradisional Melayu. Dalam Haron Daud (pngr.). *Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan* (hlm. 135-147). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh. (2009). *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surianiah Binti Pakih. 1999. *Pemikiran Politik Islam Dalam Taj Al-Salatin Dan Bustan Al-Salatin: Satu Perbandingan Konsep*. Tesis Ijazah Sarjana Isuluddin, Jabatan Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syed Hussein Alatas. (1991). *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus. (1993). *Epistemologi Islam Teori Ilmu dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1978). *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Tatiana Denisova. (2012). Konsep Kemakmuran Negara Dalam Historiografi Melayu Islam Kurun Ke-13 Hingga Ke-19. *Jurnal Al-Tamadun*, 7(1): 105-134.

- Tatiana Denisova. (2015). Orang Melayu dan Tamadun Melayu dalam Historiografi Melayu Islam (kurun ke-13 sehingga ke-19). Dalam Mahsun, Arndt Graf, al-Azhar & Tatiana Denisova. *Siri Ceramah Arif Budiman* (hlm. 126-182). Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Walid Mohd Said (et al.). (2014). Wasatiyyah Di Dalam Bidang Politik Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Sunah. Dalam Norhasnira Ibrahim et al. (pnyt.). *Sunnah Asas Wasatiyyah, Pencetus Transformasi Ummah* (hlm. 69-84). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (1991). Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu. *Jurnal Dunia Melayu*: 1-19.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1995). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. *Hubungan Raja Dengan Rakyat: Suatu Telaah Terhadap Taj al-Salatin Dari Perspektif Pemikiran Islam*. Prosiding Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan, Anjuran Lembaga Peradaban Melayu, Yayasan Karyawan dan Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar Negeri, Kuala Lumpur. November 2014.
- Yahaya Jusoh. (2014). *Sejarah Falsafah Politik dalam Islam*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2012). *Falsafah Ilmu dalam Al-Quran: Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi*. Johor Baru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi Jasmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Yazid Haji Maarof & Mohammad Kamil Ab. Majid. (2015). *Pembelajaran Islam Amali: Panduan Fiqh Muamalat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahazan Mohamed (peny.). (2008). *Makkah al-Mukarramah: Kelebihan dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Zahrah Ibrahim (pnyt.). (1986). *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (2008). *Kesultanan Melayu Melaka: Pentadbiran Kuno atau Moden?*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan. *Lambang Kedaulatan Kesultanan Melayu: Padi Berbuah Emas, Berdaunkan Perak, Berbatangkan Suasa*. Kertas Kerja Wacana Naskhah Kesultanan Melayu: Pemerintahan dan Politik, Anjuran Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Oktober 2016.

Zainal Kling. 1993. Asas Ketuhanan dalam Pemikiran Sosiopolitik Melayu. Dalam *Tamadun Melayu*. Jil. 2 (hlm. 397-416). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Stapa. (1999). *Akidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Zarina Muhammad. (2015). Peri Penting Karya Intelektual dalam Pengajian Ketamadunan Melayu: Sorotan Ringkas Terhadap Kepengarangan Raja Ahli Haji. *The Journal of Muslim Affair*, 1(1): 180-192.

Zulkifli Haji Mohd Yusoff. (2011). *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

